

**THE FORTIFICATION OF YOUTH'S SOCIOECONOMIC STATUS IN THE ERA OF MALAYSIA MADANI: AN ADAPTION OF THE PROPHETIC VOCATIONS IN THE QURAN**

**PEMERKASAAN EKONOMI BELIA ERA KERAJAAN MADANI: ADAPTASI DARIPADA PROFESION PARA NABI DALAM AL- QURAN**

Amiruddin Mohd Sobali <sup>i</sup>, Amran Abdul Halim<sup>ii</sup> & Shumsudin Yabi <sup>iii</sup>

- <sup>i</sup> (Corresponding author). Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. amiruddin@usim.edu.my
- <sup>ii</sup> Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. amranabdulhalim@usim.edu.my
- <sup>iii</sup> Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. shumsudin@usim.edu.my

Received: 28 June 2024

*Article Progress*  
Revised: 24 July 2024

Accepted: 26 August 2024

|                 |  |
|-----------------|--|
| <b>Abstract</b> | <p><i>Substantial development and the human capital of the country are among the most significant pillars and foundations of robust economic growth. Without prosperous economic growth, the fulfillment of basic necessities of the people, such as food, education, and healthcare, is impossible to achieve. The blossoming of the economy in any particular country does not solely depend on the government but also on the individuals of a nation. Nowadays, there have been heightened concerns regarding job opportunities among graduates. They are constantly in pursuit of positions that suit their academic qualifications and that typically guarantee high salaries. But unemployment has reached an unprecedented level. This has impeded the youths from building the life that they always dream of. This qualitative and descriptive study aims to shed light on the types of professions and occupations undertook by the Prophets of Allah mentioned in the Qurān and to analyze the verses according to the books of tafsīr. It hopes to exhibit to the youth the infinite favors and bounties of Allah SWT. The study concludes that there are a lot of professions and vocations that were taken up by the Prophets with their own hands. It is hoped that it will motivate the youths to have faith in Allah SWT and to work diligently no matter what kind of vocations they venture into.</i></p> <p><i>Keywords: Economy, Unemployment, Profession, al-Quran.</i></p> |
| <b>Abstrak</b>  | <p><i>Ekonomi yang mampan merupakan tunjang pamacu pembangunan fizikal mahupun modal insan negara diharapkan. Manakan tidak, keperluan utama rakyat seperti makanan, pendidikan dan kesihatan tidak dapat dinikmati tanpa kemajuan ekonomi yang baik. Pembangunan ekonomi yang cekap bukan sekadar bergantung kepada kebijaksanaan pemerintah tetapi individu persorangan turut memainkan peranan utama membangunkan ekonomi diri sendiri dan keluarga. Namun kebimbangan mengenai peluang pekerjaan yang terhad sering menghantui golongan belia terutamanya para graduan</i></p>   |

*pengajian tinggi. Mereka sentiasa mengharapkan pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan yang dimiliki serta menjanjikan pendapatan yang setimpal. Lebih menggosokkan mereka apabila kadar pengangguran semakin tinggi. Keadaan ini merencatkan perancangan para belia untuk memenuhi impian dan cita-cita dalam membina kehidupan yang lebih sempurna. Justeru, kajian kualitatif yang bersifat diskriptif ini akan menghuraikan jenis pekerjaan para nabi, iaitu golongan insan yang paling mulia di sisi Allah SWT yang disorot menerusi al-Quran seterusnya dianalisa dengan kupasan ilmuan tafsir pada nas-nas tersebut. Ia bertujuan memperlihatkan kepada para belia betapa luasnya rezeki kurniaan Allah SWT untuk dicapai dengan usaha yang gigih dan tersusun. Hasil kupasan tersebut menjelaskan bahawa terdapat banyak lapangan kerjaya dengan tangan dan usaha sendiri yang dibangunkan oleh para utusan Allah SWT. Kepentingannya adalah untuk membangkitkan motivasi dalam kalangan belia untuk menguatkan tawakal kepada Allah yang maha mengurnia seterusnya membangkitkan kekuatan untuk berusaha dan tidak memilih dalam soal mencari rezeki.*

*Kata kunci: Ekonomi, Pengangguran, Profesion, Al-Quran.*

## PENDAHULUAN

Dalam soal kehidupan dunia, Islam memuliakan umat manusia dengan memerintahkan mereka untuk mencari rezeki sendiri bagi meneruskan kelangsungan hidup sehari-hari. Untuk merealisasikan tujuan ini, Allah SWT mengurniakan hamba-Nya akal untuk mentauhidkan-Nya dengan memikirkan kebesaran-Nya serta menggunakan akal tersebut untuk berinovasi sesuai dengan keperluan kehidupan dan urusan mencari rezeki. Maka dapat dilihat sejak penciptaan manusia, kepelbagaian profesion manusia berubah sesuai dengan kemajuan teknologi dan cara fikir mereka. Sebagai contoh jika dahulu kerja penebangan pokok dilakukan dengan kapak dan parang, hari ini kerja tersebut lebih mudah dengan perlatan yang lebih canggih dan efisien. Jika dahulu kerja-kerja pertanian menggunakan tenaga manusia sepenuhnya maka hari ini kebanyakannya dilakukan oleh mesin. Demikian hebatnya akal ciptaan Allah SWT yang digunakan manusia agar mereka berfikir demi kemajuan kehidupan di dunia ini.

Perubahan teknologi dan kemajuan manusia yang serba serbi dalam kehidupan dapat disimpulkan dengan satu tujuan iaitu untuk meneruskan kehidupan yang sempurna. Bagi mencapai objektif ini manusia perlu mencari rezeki untuk diri sendiri dan keluarga yang diamanahkan oleh Allah SWT. Jenis dan bentuk kerjaya itu pastinya berbeza mengikut keperluan dan kehendak masyarakat namun objektifnya tetap satu iaitu meneruskan kehidupan yang direndhai oleh Allah SWT. Kerjaya masyarakat di kawasan bandar tentunya berbeza dengan mereka yang tinggal di kawasan pinggir bandar atau pedalaman. Apa yang penting ialah kerjaya yang dilakukan itu sesuai dengan keperluan diri yang akhirnya ia membentuk rangkaian keperluan yang saling membantu dan berkait satu sama lain. Rangkaian ini pula akan membentuk tamadun manusia yang membangunkan sesebuah negara.

Allah SWT menyukai mereka yang gigih berusaha, berdaya maju, dan sentiasa menambah baik mutu kerjaya masing-masing. Ia menjadi satu sunnatullah atau ketetapan Allah SWT terhadap hamba-Nya sama ada mereka yang beriman atau yang kufur. Maka kita dapat melihat betapa ramai orang bukan Islam mencapai kemajuan di dunia ini jauh meninggalkan umat Islam. Ini disebabkan kegigihan mereka dalam memajukan urusan dunia mereka. Jika mereka yang kufur kepada Allah SWT pun diberikan apa yang selayaknya mereka dapat kerana usaha mereka, demikian umat Islam yang mentauhidkan dan menyembah Allah SWT pastinya dibantu dan direndhai oleh-Nya, dilimpahi keberkatan dan kebaikan di dunia serta akhirat sana. Galakan untuk berusaha gigih ini disebut dalam sebuah hadis daripada Aishah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

{ إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتَّقِنَهُ }

Maksudnya, "Sesungguhnya Allah menyukai apabila salah seorang daripada kamu berkerja dia bersungguh-sungguh".<sup>1</sup>

### **KONSEP KERJAYA MENURUT ISLAM**

Karier atau pekerjaan dapat difahami dengan aktiviti duniawi yang mendatangkan manfaat keduniaan dan akhirat kepada seseorang.<sup>2</sup> Sebahagian sarjana Islam mendefinisikan kerjaya sebagai sesuatu usaha fizikal atau fikiran, sama ada kecil atau besar pada pandangan manusia yang dilakukan melalui pelbagai cara yang menepati Syarak serta tidak tertumpu kepada ibadat khusus semata-mata tetapi apa sahaja perbuatan dan aktiviti manusia.<sup>3</sup>

Menurut takrif yang lain, kerjaya merupakan usaha pengurusan yang tersusun yang dilaksanakan melalui tenaga fizikal atau buah fikiran manusia, baik dilakukan oleh individu perseorangan atau kumpulan manusia yang memberi manfaat dan memenuhi keperluan semua pihak.<sup>4</sup> Oleh itu, para ulama merumuskan bahawa setiap kerjaya seseorang Muslim itu sangat mulia, dihormati dan tidak dipersia-siakan sama sekali kerana ia bukan sahaja memenuhi keperluan duniawi tetapi dikira ibadah dan berpahala di sisi Allah SWT.<sup>5</sup>

Takrifan yang diberikan oleh ulama di atas jelas menunjukkan bahawa konsep kerjaya di dalam Islam mencakupi soal dunia seseorang Muslim di mana dia mencari rezeki yang halal untuk keperluannya, serta melibatkan urusan akhiratnya yang mana ia dikira ibadah yang membuahkan pahala apabila dia berkerja demi mentaati perintah Allah SWT untuk memakmurkan bumi, memenuhi fardu kifayah dan mencari keredaan-Nya. Hal ini berbeza dengan konsep kerjaya yang difahami oleh golongan bukan Islam di mana mereka hanya menumpukan kepada kehidupan duniawi semata lantaran ketidakpercayaan mereka terhadap kehidupan selepas kematian dan pembalasan di hari akhirat.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menjadikan metod diskriptif sebagai tunjang. Ia digunakan untuk mengkaji kupasan fakta yang diperolehi daripada nas-nas agama. Data dikumpulkan daripada dua sumber utama iaitu al-Quran dan kitab-kitab hadis. Data ini dianalisa kefahamannya untuk diketengahkan berdasarkan rujukan kitab-kitab tafsir dan syarah hadis daripada ulama terdahulu dan kontemporari.

Dalam memilih hadis-hadis sebagai data, proses *takhrij* dilakukan bagi mendapatkan teks hadis yang sahih lagi tepat sebagai hujah. Jika hadis-hadis itu diambil daripada kitab Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim, ia memadai dengan dinyatakan sumber dan nombor hadis. Sebaliknya hadis-hadis yang ddiperolehi daripada kitab-kitab lain maka nas yang sahih sahaja akan dipilih sebagai hujah. Adapun hadis yang tidak kuat dijadikan hujah maka tidak sekali-kali ia diambil sebagai fakta.

### **DAPATAN KAJIAN**

Kajian mendapati bahawa di sana terdapat banyak jenis pekerjaan yang dilakukan oleh para nabi dan rasul sebagai mata pencarian dalam kehidupan mereka. Kebanyakannya adalah dengan berkerja sendiri dan bukan makan gaji. Kerjaya mereka dengan hasil usaha sendiri seperti yang menjelaskan dalam al-Quran betapa Islam menuntut umat manusia membanting tulang dan gigih berkerja untuk memakmurkan bumi berlandaskan syariat Allah SWT.

### **Galakkan Berkerja dan Celaan Meminta-minta**

Allah SWT memerintahkan hamba-Nya untuk membanting tulang mencari rezeki yang halal lagi baik dan bukannya meminta-minta atau memilih kerja. Ini kerana kemuliaan seseorang

<sup>1</sup> Hadis. Al-Tabaraniyy. Bab al-Alif Man Ismuhu Ahmad. 897

<sup>2</sup> Ahmad, A. 1995. *Dirasat fi Al-Thaqafat al-Islamiyyah*. Maktabat al-Falah. Kuwait, h. 513.

<sup>3</sup> Subhi, S. 1977. *Al-Isam wa Al-Mujtama' Al-'Asriy*. Dar al-Adab. Bayrut, h.41.

<sup>4</sup> Al-Najjar, A. H. 2003. *Al-Islam wa Al-Iqtisad*. 'Alam al-Ma;rifah. Bayrut. Cet. 2, h.26.

<sup>5</sup> Muhsin, K. 1982. *Fi Al-Fikr Al-Iqtisadiy Al-Arabiy Al-Islamiy*. Wizarat al-Thaqafat wa Al-l'am. Baghdad, h. 123.

insan itu apabila dia berusaha keras demi mencari rezeki untuk dirinya dan mereka yang berada di bawah tanggungannya. Terdapat beberapa ayat al-Quran yang menjelaskan betapa Allah SWT menegaskan hal ini. Firman-Nya:

﴿فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ﴾

Maksudnya, "Kemudian setelah selesai solat, maka bertebaranlah kamu di muka bumi untuk menjalankan urusan masing-masing, dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah sebanyak-banyaknya dalam segala keadaan, supaya kamu berjaya".<sup>6</sup>

Perintah agar insan bergerak dan bertebaran di bumi untuk mencari kurniaan Allah dalam ayat di atas adalah merujuk kepada perintah agar mereka mencari rezeki, manakala maksud kurniaan Allah dalam ayat ini pula bermaksud pekerjaan.<sup>7</sup> Ia jelas menunjukkan bahawa insan diperintahkan untuk berkerja demi mencari rezeki yang Allah SWT tentukan. Sebahagian ahli tafsir pula berpandangan bahawa ayat di atas memerintahkan manusia agar bertebaran ke pelusuk bumi untuk berniaga dan berusaha mencari rezeki demi keperluan hidup mereka. Apa sahaja yang memberi manfaat, faedah dan menguntungkan mereka harus diusahakan.<sup>8</sup> Ayat ini juga memberi isyarat agar insan bersikap sederhana dalam mengimbangi keperluan dunia dan keutamaan akhirat dalam soal mencari rezeki, sambil tidak melupakan Allah SWT malah diperintahkan pula agar sentiasa mengingati-Nya agar usaha mencari rezeki itu tetap dalam keadaan penuh ketakwaan.<sup>9</sup> Dalam ayat yang lain Allah SWT juga berfirman:

﴿قُلْ اَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عَالِمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ﴾

Maksudnya: "Dan katakanlah wahai Muhammad: Beramalah kamu segala yang diperintahkan, maka Allah dan rasul-Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan dan kamu akan dikembalikan kepada Allah Yang Mengetahui perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Dia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan".<sup>10</sup>

Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah SWT memerintahkan hamba-Nya untuk beramal dengan apa yang diredhai-Nya, kerana semua itu akan diperhatikan oleh Allah SWT, rasul-Nya dan kaum Mukminin. Namun di akhirat kelak Allah SWT akan menerangkan kepada manusia apa yang mereka lakukan daripada perbuatan sama ada yang berbentuk ketaatan atau kemaksiatan, lalu mereka akan mendapat balasan yang setimpal.<sup>11</sup> Menurut ulama tafsir, ayat ini umum kepada apa yang dikerjakan oleh manusia sama ada ibadah yang khusus seperti solat, puasa, zakat dan sedekah atau pekerjaan-pekerjaan yang diharuskan di atas muka bumi yang tujuannya adalah untuk agama Allah SWT.<sup>12</sup> Allah SWT turut berfirman dalam ayat yang lain:

﴿هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذَلُولًا فَامْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِنْ رِزْقِهِ وَإِلَيْهِ النُّشُورُ﴾

Maksudnya, "Dia lah yang menjadikan bumi mudah digunakan oleh kamu, maka berjalanlah di ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan-Nya namun ingatlah kepada Allah jualah tempat kembali sesudah dibangkitkan (maka hargailah nikmat-Nya dan takutilah kemurkaan-Nya)".<sup>13</sup>

<sup>6</sup> al-Quran. al-Jumu'ah: 10

<sup>7</sup> Al-Qurtubiy, M. A. 2003. *Al-Jami' Li Ahkam al-Quran*. Dar al-Fikr. Bayrut. Cet. 2. Jil. 9, h. 83.

<sup>8</sup> Al-Syawkaniy, M. A. 2002. *Fath al-Qadir Al-Jami' Bayna Fannay al-Riwayah wa al-Dirayah Min 'Ilm al-Tafsir*. Alam al-Kutub. Bayrut. Cet. 1. Jid. 2, h. 223.

<sup>9</sup> Qutb, S. 1995. *Fi Zilal al-Quran*. Dar al-Syuruq. Bayrut. Cet. 11. Jil. 6, h.365.

<sup>10</sup> al-Quran. al-Tawbah: 105

<sup>11</sup> Ibnu al-Jawziy, A. R. A. 2002. *Zad al-Masir fi 'Ilm al-Tafsir*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Bayrut. Cet. 2. Jil. 5, h. 247.

<sup>12</sup> Al-Tabariy, M. J. 2000. *Jami' al-Bayan 'an Takwil Ayi al-Quran*. Dar al-Qalam. Damsiyq. Cet. 1. Jil. 4, h. 220.

<sup>13</sup> al-Quran. Al-Mulk: 105

Dalam ayat ini Allah SWT telah memudahkan untuk manusia urusan mereka mencari rezeki agar apa yang mereka hajati dan inginkan dapat diperolehi. Ia dapat dilihat dengan memudahkan mereka meneroka alam, membina bangunan dan membuka jalan-jalan sehingga mereka mampu bergerak ke tempat-tempat yang jauh. Maka setelah semua ini dimudahkan Allah SWT memerintahkan mereka agar mencari rezeki untuk keperluan mereka.<sup>14</sup>

Menurut sebahagian tokoh tafsir, Allah SWT memerintahkan hamba-Nya agar bertebaran dan bermusafir ke seluruh pelusuk bumi yang berbeza iklim agar mereka boleh mencari rezeki dengan berniaga dan menjalan pelbagai pekerjaan. Namun mereka perlu sedar bahawa semua itu tidak akan mampu dicapai kecuali apabila Allah SWT memudahkan semua itu, serta mereka dituntut agar berserah kepada Allah SWT dalam usaha mencari rezeki. Ini kerana Allah SWT jualah yang memudahkan urusan dan mengatur rezeki mereka.<sup>15</sup>

Selain daripada nas dalam al-Quran terdapat juga dalil daripada hadis-hadis yang menjelaskan perintah berkerja dan kemuliaan mencari rezeki. Dalil-dalil ini sememangnya memperincikan lagi apa yang disebut secara umum oleh Allah SWT di dalam al-Quran. Daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

{لَإِنْ يَخْتَبِ أْحَدُكُمْ حُزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ، خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا، فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ}

Maksudnya, "seseorang yang mengumpul kayu lalu memikul kayu itu di belakang badannya lebih baik daripada dia meminta-minta daripada seseorang. Boleh jadi orang itu memberi apa yang dimintanya atau tidak memberinya".<sup>16</sup>

Hadis ini menjelaskan bahawa umat Islam perlu berkerja untuk mencari rezeki demi kelangsungan hidup mereka.<sup>17</sup> Ia juga menunjukkan bahawa seseorang yang berkerja dapat menyara kehidupannya dan berbuat kebajikan seperti menginfaqkan hartanya ke jalan Allah SWT. Manakala perbuatan meminta-minta daripada orang ramai pula mengundang kehinaan kerana tenaga yang dikurniakan Allah SWT tidak dimanfaatkan malah bersifat malas. Sikap meminta-minta juga boleh membawa kepada kemudaratan dosa yang ditanggung kerana perbuatannya itu.<sup>18</sup>

Menjelaskan perihal seseorang yang gemar meminta-minta daripada orang lain dengan tujuan untuk menambah kekayaan, terdapat sebuah hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

{مَنْ سَأَلَ النَّاسَ أَمْوَالَهُمْ تَكْتُرًا، فَإِنَّمَا يَسْأَلُ جَمْرًا فَلْيَسْتَقِلَّ أَوْ لِيَسْتَكْنِزْ}

Maksudnya: "Sesiapa yang meminta-minta daripada orang ramai akan harta mereka dengan tujuan menambah kekayaan sebenarnya dia meminta api daripada mereka. Maka terpulanglah kepadanya untuk meminta yang sedikit atau yang banyak".<sup>19</sup>

Ancaman yang menakutkan buat mereka yang suka meminta-minta ini menerangkan bahawa Islam tidak sama sekali melarang manusia daripada meminta-minta jika ada keperluan mendesak, namun sikap yang terbaik adalah tetap menahan diri daripada meminta-minta dan berusaha terlebih dahulu. Semakin kerap seseorang itu meminta-minta maka semakin maraklah api yang membakarnya di akhirat kelak. Hadis ini turut menjelaskan bahawa Allah SWT tidak menyukai hamba yang mengumpul harta

<sup>14</sup> Al-Si'diy, A. R. N. 2005. *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan*. Dar al-Salam. Riyad. Cet. 3, h. 1032.

<sup>15</sup> Syakir, A. 2004. *Umdat al-Tafsir 'an Tafsir Ibn Kathir*. Muassasat al-Risalah. Bayrut. Cet. 2. Jil. 3, h. 554.

<sup>16</sup> Hadith. al-Bukhariyy. *Bab Kasb al-Rajul Wa 'Amalihi Biyadihi*. 2074

<sup>17</sup> Ibnu Battal, A. K. 2003. *Syarah Sahih al-Bukhari*. Maktabat al-Rusyd. Riyad. Cet. 2. Jild. 6, h. 209.

<sup>18</sup> Al-Qastalaniy, A. M. 1323H. *Irsyad a-Sari Li Syarh Sahih al-Bukhari*. Al-Matba'ah al-Kubra. Mesir. Cet. 7. Jil. 4, h. 20.

<sup>19</sup> Hadith. Muslim. *Bab Karahah al-Masalah Linnas*. 1041

kerana itu akan menenggelamkannya dalam kehidupan dunia yang penuh dengan kehinaan.<sup>20</sup>

Dalam pada itu sebahagian ulama menyebut mereka yang gemar meminta-minta dengan tujuan mengumpul dan memperbanyakkan harta akan diseksa di akhirat kelak dengan hartanya itu. Ia akan dilebur dan dituang di belakang orang itu, sama seperti yang diperlakukan terhadap mereka yang tidak membayar zakat.<sup>21</sup>

### **Kerjaya Terbaik Dalam Islam**

Jenis dan bentuk kerjaya itu amat luas dan berbagai. Selagi tiada nas yang melarangnya atau keadaan tertentu yang menyebabkan sesuatu pekerjaan itu ditegah, maka segala jenis perkerjaan itu harus dan dibenarkan di dalam Islam. Meskipun begitu, Allah SWT mengkhususkan suatu jenis pekerjaan yang dianggap terbaik di sisi-Nya, iaitu perkerjaan yang dilakukan oleh tangan sendiri, atau lebih mudah difahami dengan kerja sendiri. Hal ini disebut dalam sebuah hadis daripada Miqdam bahawa Nabi SAW bersabda:

{ مَا أَكَلَ أَحَدٌ طَعَامًا قَطُّ، خَيْرًا مِنْ أَنْ يَأْكُلَ مِنْ عَمَلِ يَدِهِ، وَإِنَّ نَبِيَّ اللَّهِ دَاوُدَ عَلَيْهِ السَّلَامُ، كَانَ يَأْكُلُ مِنْ عَمَلِ يَدِهِ }

Maksudnya, "Tidaklah seseorang makan makanan sama sekali yang lebih baik daripada apa yang dia makan daripada hasil tangannya sendiri. Sesungguhnya Nabi Daud AS memakan rezeki daripada hasil tangannya".<sup>22</sup>

Hadis di atas memberi kefahaman kepada umat bahawa Allah menyukai mereka yang mencari rezeki dengan hasil usaha tangannya sendiri seperti berniaga, bertani, memberi khidmat kepada orang dan menangkap ikan. Ini tidak menafikan bahawa berkerja dengan majikan juga turut dibenarkan oleh syarak. Dalam isu berkerja sendiri, para ulama berbeza pandangan kerjaya manakah yang terbaik.

Imam al-Syafie berpandangan bahawa pertanian adalah kerja tangan yang terbaik kerana ia menguatkan tawakal dan kebergantungan golongan petani dengan Allah SWT yang menurunkan hujan sebagai sumber air. Imam al-Nawawi turut berpandangan sedemikian kerana pertanian memberi manfaat makanan kepada manusia dan juga haiwan. Para ulama mensyaratkan bahawa pertanian dilihat sebagai kerjaya terbaik jika keyakinan bahawa Allah SWT jua yang menumbuhkan tanaman, manakala usaha manusia hanyalah sebagai asbab Sahaja. Secara umumnya berkerja sendiri adalah kerjaya terbaik kerana ia menghindari manusia daripada pengangguran, hanyut dalam perkara yang sia-sia dan memelihara maruah manusia daripada kehinaan meminta-minta.<sup>23</sup>

### **Pekerjaan Para Nabi Dan Jenisnya**

Allah SWT yang menciptakan manusia telah mengutus para rasul dalam kalangan manusia juga. Ini bertujuan agar mereka dapat mengikut ajaran para rasul dengan baik dan tiada alasan untuk mengingkarinya disebabkan rasul itu juga manusia seperti mereka. Justeru, dalam meneruskan kehidupan harian, para rasul juga berkerja dan mencari rezeki sama seperti manusia lain. Biarpun para rasul ini adalah kekasih Allah SWT, tetapi mereka juga menjalani sunnatullah yang semua insan lain lalui dalam mencari rezeki. Demikian aturan Allah SWT yang maha bijaksana terhadap seluruh hamba-Nya. Berikut adalah jenis-jenis pekerjaan yang dilakukan oleh para rasul yang Allah SWT jelaskan di dalam al-Quran.

### **Pembinaan**

Allah SWT berfirman:

<sup>20</sup> Al-San'aniy, M. I. 2011. *Al-Tanwir Syarh al-Jami' al-Saghir*. Dar al-Salam. Riyad. Cet. 1. Jil. 10, h. 249.

<sup>21</sup> Al-Nawawi, Y. S. 1392H. *al-Minhaj Sharh Sahih Muslim bin Hajjaj*. Dar Ihya al-Turath al-Arabiyy. Cet. 2. Jil. 7, h. 131.

<sup>22</sup> Hadith. al-Bukhariyy. *Bab Kasb al-Rajul Wa 'Amalihi Biyadihi*. 2072

<sup>23</sup> Al-Asqalaniy, A. H. 1421H. *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Dar al-Salam. Riyad. Cet. 3. Jil. 4, h. 386.

﴿وَإِذْ يَرْفَعُ إِبْرَاهِيمُ الْقَوَاعِدَ مِنَ الْبَيْتِ وَإِسْمَاعِيلُ رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ﴾

Maksudnya; "Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim bersama-sama Nabi Ismail meninggikan binaan tapak Kaabah sambil keduanya berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami, terimalah amal daripada kami. Sesungguhnya Engkaulah yang Maha Mendengar lagi Maha mengetahui".<sup>24</sup>

Ayat di atas menjelaskan bahawa Nabi Ibrahim memperbaiki asas binaan Kaabah yang asalnya dibina sejak zaman Nabi Adam AS oleh Jibril seperti yang disebut secara zahir. Lalu Kaabah dikunjungi oleh para Mukminin pada zaman Nabi Adam sehingga zaman Nabi Nuh. Sebahagian sarjana menyebut bahawa pekerjaan Nabi Ibrahim adalah termasuk membina bangunan atau binaan.<sup>25</sup>

### Perkayuan

Firman Allah SWT:

﴿وَاصْنَعِ الْفُلْكَ بِأَعْيُنِنَا وَوَحْيِنَا وَلَا تُخَاطِبْنِي فِي الَّذِينَ ظَلَمُوا إِنَّهُمْ مُعْرِضُونَ \* وَيَصْنَعِ الْفُلْكَ وَكُلَّمَا مَرَّ عَلَيْهِ مَلَأَ مِنْ قَوْمِهِ سَخِرُوا مِنْهُ قَالَ إِنْ تَسْخَرُوا مِنَّا فَإِنَّا نَسْخَرُ مِنْكُمْ كَمَا تَسْخَرُونَ﴾

Maksudnya, "Dan buatlah bahtera dengan pengawasan serta kawalan Kami, dan dengan panduan wahyu Kami tentang cara membuatnya dan janganlah engkau merayu kepada-Ku untuk menolong kaum yang zalim itu, kerana sesungguhnya mereka akan ditenggelamkan dengan taufan (37) Dan Nabi Nuh pun membuat bahtera itu, dan tiap-tiap kali sepuak dari kaumnya melalui tempat ia membina bahteranya, mereka mengejek-ejeknya. Nabi Nuh pun menjawab: "Jika kamu memandang kami bodoh (kerana membuat bahtera ini), maka sesungguhnya kami juga memandang kamu bodoh (kerana keingkaran kamu), sebagai (balasan) ejekan kamu".<sup>26</sup>

Kisah pembinaan bahtera atau kapal ini dirakan oleh Allah SWT di dalam al-Quran. Sebahagian ulama tafsir berpandangan ia adalah kapal pertama yang dibina dalam Sejarah peradaban manusia. Allah SWT yang memerintahkan Nabi Nuh untuk membinanya sama sekali tidak membiarkan rasul-Nya tetapi memberi panduan dalam membina bahtera tersebut kerana ia akan diisi dengan pelbagai jenis makhluk.<sup>27</sup>

### Kerja Logam

Firman Allah SWT:

﴿وَلَقَدْ آتَيْنَا دَاوُدَ مِنَّا فَضْلًا يَا جِبَالُ أَوِّبِي مَعَهُ وَالطَّيْرَ وَاللَّنَّا لَهُ الْحَدِيدَ \* أَنْ أَعْمَلَ سَابِغَاتٍ وَقَدِّرَ فِي السَّرْدِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ﴾

Maksudnya, "Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan Nabi Daud limpah kurnia dari Kami sambil Kami berfirman: "wahai gunung-ganang, ulanglah bertasbih bersama-sama dengan Nabi Daud, dan wahai burung-burung bertasbihlah bersama-sama dengannya", dan Kami juga telah melembutkan besi untuknya (10). Serta Kami wahyukan kepadanya: "Buatlah baju-baju besi yang luas labuh, dan sempurnakanlah jalinannya sekadar yang dikehendaki serta lakukanlah kamu wahai Daud dan umatmu amal soleh, sesungguhnya Aku Maha Melihat akan segala yang kamu kerjakan(11)".<sup>28</sup>

<sup>24</sup> al-Quran. Al-Baqarah: 127

<sup>25</sup> Al-Azraqiy. t.t. *Akhbar Makkah Wa Ma Jaa Fiha Min al-Athar*. Dar al-Andalus. Bayrut. Jil. 1, h. 58.

<sup>26</sup> al-Quran. Hud: 37-38

<sup>27</sup> Al-Sya'rawiy, M. M. 1997. *Al-Khawatir. Matabi' Akhbar al-Yaum*. Mesir. Cet. 1. Jil. 10, h. 28.

<sup>28</sup> al-Quran. Saba: 10-11

Ulama tafsir menjelaskan bahawa Allah SWT memudahkan untuk Nabi Daud melentur dan membentuk besi dengan begitu mudah seperti seseorang yang membentuk adunan tanah liat. Baginda melenturkan besi dengan begitu mudah mengikut kehendak dan citarasanya tanpa perlu dileburkan dalam api dan ditempa. Sebahagian pandangan menyebut baginda membentuk baju besi dengan tangannya disebabkan kekuatan luar biasa yang Allah SWT kurniakan. Dikatakan bagindalah orang pertama yang menggunakannya di medan perang dalam tamadun manusia.<sup>29</sup>

### **Penternakan**

Firman Allah SWT:

﴿وَمَا تَلَكَ بِيَمِينِكَ يَا مُوسَى قَالَ هِيَ عَصَايَ أَتَوَكَّأُ عَلَيْهَا وَأَهُشُّ بِهَا عَلَى غَنَمِي وَلِيَ فِيهَا مَآرِبُ أُخْرَى﴾

Maksudnya, "Allah SWT berkata: Dan apa di tangan kananmu itu wahai Musa? Nabi Musa menjawab: Ini ialah tongkatku. Aku menggunakannya untuk berjalan, memukul daun-daun kayu dengannya supaya gugur untuk diberi kepada kambing-kambingku, dan ia mempunyai beberapa kegunaan untukku".<sup>30</sup>

Nabi Musa AS mempunyai tongkat pelbagai guna, iaitu ia berfungsi memudahkannya berjalan di mana baginda berpaut padanya. Selain itu tongkat itu digunakan untuk menggugurkan dedaun agar dimakan oleh kambing-kambing peliharaannya.<sup>31</sup> Baginda mengambil upah memelihara kambing daripada seorang lelaki soleh di mana pekerjaan tersebut adalah mas kahwin baginda bersama anak gadis lelaki itu.<sup>32</sup>

### **Pengurusan dan Pentadbiran**

Firman Allah SWT:

﴿فَلَمَّا كَلَّمَهُ قَالَ إِنَّكَ الْيَوْمَ لَدَيْنَا مَكِينٌ أَمِينٌ \* قَالَ اجْعَلْنِي عَلَى خَزَائِنِ الْأَرْضِ إِنِّي حَفِيظٌ عَلَيْم﴾

Maksudnya, "Setelah Yusuf dibawa mengadap, raja berbicara dengannya (serta mengetahui kebijaksanaannya) lalu berkatalah raja kepadanya: sesungguhnya engkau pada hari ini seorang yang berkedudukan tinggi, lagi dipercayai di kalangan kami. Yusuf berkata: jadikanlah aku pengurus kekayaan hasil bumi Mesir. Sesungguhnya aku sedia menjaganya dengan sebaik-baiknya, lagi mengetahui cara mengurusnya".<sup>33</sup>

Sebahagian ulama tafsir menyebut ayat ini menjadi bukti bahawa seseorang yang berasa dirinya mampu menjawab sesuatu jawatan maka tidak menjadi kesalahannya meminta pekerjaan tersebut. Kemampuan individu seperti perlu ditonjolkan demi kebaikan negara, keadilan untuk rakyat dan maslahat umum.<sup>34</sup> Demikian para belia boleh memohon apa jua pekerjaan yang dilihat mampu diurus tadbir oleh mereka dengan lebih baik serta mampu membawa perubahan yang positif.

### **Perniagaan**

Firman Allah SWT:

﴿لَا يَلَابِفِ قُرَيْشٍ \* إِيلَافِهِمْ رِحْلَةَ الشِّتَاءِ وَالصَّيْفِ﴾

Maksudnya, "Kerana kebiasaan aman tenteram kaum Quraisy (penduduk Makkah). Iaitu ketenteraman perjalanan mereka menjalankan perniagaan pada musim sejuk ke negeri Yaman dan pada musim panas ke negeri Syam" (al-Quran. Quraisy: 1-2).

<sup>29</sup> Al-Nasafi, A. A. 1998. *Madarik al-tanzil wa Haqiq al-Takwil*. Dar al-Kalim al-Tayyib. Cet. 1. Jil. 3, h. 33.

<sup>30</sup> al-Quran. Taha: 17-18

<sup>31</sup> Al-Mawardi, A. M. T. t. *al-Nukat wa al-'Uyun*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Bayrut. Cet. 1. Jil. 3, h. 399.

<sup>32</sup> Ali, A. S. t. t. *al-Taswir al-Quraniy Li al-Qiyam al-Khalqiyyah wa al-Tasyri'iyyah*. Al-Maktabah al-Azhariyyah. Kaherah. Cet. 1. Jil. 1, h. 17.

<sup>33</sup> al-Quran. Yusuf: 54-55

<sup>34</sup> Al-Zuhailiy, W. M. 1422H. *al-Tafsir al-Wasit*. Dar al-Fikr. Bayrut. Cet. 2. Jil. 2, h. 1116.

Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah SWT telah memberikan nikmat kepada kaum Quraisy berupa keselamatan dan keamanan semasa mereka bermusafir ke utara pada musim panas dan ke selatan pada musim sejuk untuk berniaga. Mereka tidak berasa bimbang seperti mana kaum lain yang sering dirompak. Orang ramai menghormati kaum Quraisy kerana mereka tinggal berhampiran dengan Kaabah serta menjaga kebajikannya.<sup>35</sup>

Kebaikan ini turut dirasai oleh Rasulullah SAW sebelum diangkat menjadi utusan Allah di mana baginda meniagakan barang dagangan Khadijah RA sambil dibantu oleh seorang pembantu bernama Maisarah. Mereka memperdagangkan barangan Khadijah di sekitar Makkah hingga ke Syam.<sup>36</sup> Kefahaman yang dapat diambil daripada ayat dan huraian ini bahawa perniagaan merupakan pekerjaan sendiri yang merupakan kerjaya Nabi SAW satu masa dahulu. Ini seharusnya dipandang tinggi dan mulia oleh para belia untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan demi memajukan diri mereka.

## **PENUTUP**

Berkerja adalah simbol kemuliaan seseorang yang hidup di atas muka bumi ini kerana ia menjadikannya seorang yang gigih berusaha, berfikir untuk memajukan diri dan tamadun negara serta membahagiakan insan di sekeliling. Sebaliknya sikap malas berusaha, memikirkan kesenangan tanpa melalui kesusahan, memilih pekerjaan, bergantung harap dengan keluarga sedang seseorang itu mampu bekerja merupakan merupakan jalan yang merugikan diri, keluarga dan negara.

Contoh kerjaya para nabi yang ditunjukkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran dapat dijadikan pedoman pada belia pada hari ini yang bimbang akan pasaran kerja yang dikatakan semakin mencabar, penuh persaingan dan terhad. Berkerja sendiri dilihat merupakan pilihan terbaik baik yang mampu menjadi solusi kepada masalah pengangguran yang tinggi dalam kalangan belia. Walaupun ada di antara para rasul yang diutus menjawat jawatan pentadbiran dan pengurusan, namun jumlah mereka begitu kecil, manakala majoriti dari mereka berkerja sendiri.

Ini seharusnya memberi kekuatan dan motivasi kepada golongan belia dengan menceburkan diri dalam bidang perniagaan, penternakan, pertanian, pembuatan dan perkhidmatan serta tidak memilih dan menunggu peluang pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan. Dengan pengambilan pekerja sektor awam yang semakin mengecil, peluang berkerja sendiri seharusnya direbut dan dimanfaatkan oleh mereka. Ini menjadikan mereka lebih kreatif dan sentiasa berfikir dalam memenuhi keperluan umat dengan pekerjaan sendiri yang bakal diceburi.

Tawakkal dan kebergantungan tinggi kepada Allah menjadikan seseorang yang berkerja sendiri itu sangat mulia di sisi Allah SWT. Manakan tidak, kerana seseorang yang sentiasa mengakui tiada tempat bergantung selain Allah SWT, mencari-Nya di saat senang dan susah, meyakini tiada rezeki kecuali hanya dari-Nya serta memohon keluasan rezeki dengan penuh rendah diri pasti disukai oleh Allah SWT lantaran sifat kehambaannya yang fakir. Demikian indahnya hidup apabila meyakini keesaan dan kekuasaan Tuhan serta memakmurkan bumi dan memajukan diri dengan saranan yang maha memberi rezeki.

Dicadangkan agar kajian mengenai kepentingan berkerja sendiri menurut al-Quran dan hadis digali dengan lebih mendalam dan kajian terhadapnya dijalankan dengan lebih meluas agar umat membangunkan ekonomi diri, gigih berusaha dan kreatif, menjauhi sikap meminta-minta dan membina tamadun negara dengan lebih baik dan selari dengan tuntutan syarak.

---

<sup>35</sup> Al-Sabuniy, M. A. 1417H. *Safwat al-Tafasir*. Dar al-Sabuniy. Kaherah. Cet. 1. Jil. 3, h. 580.

<sup>36</sup> Al-Mubarakfuriy, S. R. 1427H. *al-Rahiq al-Makhtum*. Dar al-Hilal. Bayrut. Cet. 1, h. 51.

## RUJUKAN

### Buku

- Ahmad, A. (1995). *Dirasat fi Al-Thaqafat al-Islamiah* (Edisi). Maktabat al-Falah, Kuwait.
- al-Asqalaniy, A. H. (2002). *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Riyad : Dar al-Salam.
- al-Azraqiy, M. A. (2004) *Akhbar Makkah Wa Ma Jaa Fiha Min al-Athar*. Bayrut: Dar al-Andalus.
- Ali, A. S. (t.t). *al-Taswir al-Quraniy Li al-Qiyam al-Khalqiyyah wa al-Tasyri'iyah*. 5. Kaherah: Al-Maktabah al-Azhariyyah.
- al-Mawardiyy, A. M. (t.t). *al-Nukat wa al-'Uyun*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Mubarakfuriy, S. R. (1427H). *al-Rahiq al-Makhtum*. Bayrut: Dar al-Hilal.
- al-Najjar, A. H. (2003). *Al-Islam wa Al-Iqtisad*. Bayrut: 'Alam al-Marifah.
- al-Nasafi, A. A. (1998). *Madarik al-tanzil wa Haqaiq al-Takwil*. Dar al-Kalim al-Tayyib.
- al-Nawawi, Y. S. (1392H). *al-Minhaj Syarah Sahih Muslim bin Hajjaj*. Dar Ihya al-Turath al-Arabiy.
- al-Qastalaniy, A. M. (1323H). *Irsyad a-Sari Li Syarh Sahih al-Bukhari*. Misr: Al-Matba'ah al-Kubra.
- al-Qurtubiy, M. A. (2003). *Al-Jami' Li Ahkam al-Quran*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Sabuniy, M. A. (1417H). *Safwat al-Tafasir*. Kaherah: Dar al-Sabuniy.
- al-San'aniy, M. I. (2011). *Al-Tanwir Syarh al-Jami' al-Saghir*. Riyad: Dar al-Salam.
- al-Si'diy, A. R. N. (2005). *Taysir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan*. Riyad: Dar al-Salam.
- al-Sya'rawiy, M. M. (1997). *Al-Khawatir. Matabi' Akhbar al-Yaum*. Misr.
- al-Syawkaniy, M. A. (2002). *Fath al-Qadir Al-Jami' Bayna Fannay al-Riwayah wa al-Dirayah Min 'Ilm al-Tafsir*. Bayrut: Alam al-Kutub.
- al-Tabariy, M. J. (2000). *Jami' al-Bayan 'an Takwil Ayi al-Quran*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- al-Zuhayliy, W. M. (1422H). *al-Tafsir al-Wasit*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Ibn al-Jawziy, A. R. A. (2002). *Zad al-Masir fi 'Ilm al-Tafsir*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Battal, A. K. (2003). *Syarah Sahih al-Bukhari*. Riyad: Maktabat al-Rusyd.
- Muhsin, K. (1982). *Fi Al-Fikr Al-Iqtisadiy Al-Arabiy Al-Islamiy*. Baghdad: Wizarat al-Thaqafat wa Al-'lam.
- Qutb, S. (1995). *Fi Zilal al-Quran*. Bayrut: Dar al-Syuruq.
- Subhi, S. (1977). *Al-Isam wa Al-Mujtama' Al-'Asriy*. Bayrut: Dar al-Adab.
- Syakir, A. (2004). *Umdat al-Tafsir 'an Tafsir Ibn Kathir*. Bayrut: Muassasat al-Risalah.

### Penafian

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*